



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SESI MEJA BULAT MENTERI-MENTERI SAINS DAN TEKNOLOGI YANG KE-19

PUTRAJAYA, 3 Oktober 2022 - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba pada 1 Oktober 2022 telah berucap secara hibrid di Sesi Meja Bulat Menteri-Menteri Sains dan Teknologi ke-19 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Kyoto, Jepun. Tema pada tahun ini adalah 'Penyelidikan Berorientasikan Misi' dan 'Masyarakat dan Sains Teknologi dan Inovasi Pasca COVID-19'.

Dalam ucapannya, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba telah mengetengahkan pandangan beliau khususnya mengenai Kesihatan Planet, Teknologi Hijau, Inovasi Sosial dan Ekosistem Permulaan dengan memanfaatkan STI untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi dan menangani cabaran global selaras dengan Agenda Pembangunan Lestari, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030.


Sesi kali ini dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Takaichi Sanae, Menteri Dasar, Sains dan Teknologi Negara Jepun, merangkumi penyampaian ucapan dan perbincangan di antara menteri-menteri yang mengambil bahagian berkaitan tema yang telah ditetapkan. Sesi Meja Bulat Menteri-Menteri yang ke-19 ini telah dianjurkan oleh Pejabat Kabinet, Kerajaan Jepun dengan menghimpunkan Menteri dan penasihat sains dari seluruh dunia untuk bertukar-tukar pandangan berhubung Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Sesi Meja Bulat ini merupakan acara rakan kongsi bagi Forum Sains dan Teknologi dalam Masyarakat yang berlangsung pada 2 hingga 4 Oktober 2022.

Para peserta sesi meja bulat berharap acara tahunan ini dapat diteruskan pada tahun hadapan kerana ia bukan sahaja bertindak sebagai platform untuk bertukar pandangan mengenai kemajuan STI tetapi juga sebagai medium untuk potensi jalinan kerjasama dan kolaborasi dalam bidang dua hala serta pelbagai hala.

TAMAT

**Disediakan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
3 OKTOBER 2022**

GAMBAR-GAMBAR SEMASA SESI MEJA BULAT MENTERI-MENTERI SAINS DAN TEKNOLOGI YANG KE-19




Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, ketika menunggu giliran untuk menyampaikan ucapan.



Pengerusi Sesi Meja Bulat Menteri-Menteri Yang Ke-19, TYT. Takaichi Sanae, Menteri Dasar, Sains dan Teknologi Negara Jepun.



YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba telah mengetengahkan pandangan beliau khususnya mengenai Kesihatan Planet, Teknologi Hijau, Inovasi Sosial dan Ekosistem Permulaan dengan memanfaatkan STI.



Antara Menteri-Menteri lain yang mengambil bahagian